

**Semua Kakitangan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.**

Tuan/Puan,

**SUMBANGAN REKACIPTA
PELEKAT KERETA/MOTOSIKALTAHUN 2010**

Pejabat Keselamatan mempersilakan semua kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia yang berminat menyumbang rekacipta pelekat kereta/motosikal UKM bagi tahun 2010.

2. Sumbangan rekacipta boleh dilukis dalam bentuk berwarna (satu warna latar seperti maroon, merah, kuning, oren, biru atau ungu). Setiap rekacipta hendaklah berukuran tidak melebihi 10 cm x 8 cm dan mestilah memaparkan perkara '**Universiti Kebangsaan Malaysia**' tahun **2010** beserta **ruang nombor kenderaan** dan **ruang nombor siri pelekat**. Spesifikasi pelekat boleh disertakan bersama rekacipta tuan/puan (jika ada).

3. Semua rekacipta hendaklah sampai ke Pejabat Keselamatan sebelum **01 September 2009**. Sumbangan rekacipta berkenaan akan diadili oleh Pihak Pengurusan Universiti. Rekacipta yang terpilih akan diberi saguhati berjumlah **RM200.00 beserta 2 keping pelekat kereta/motosikal 2010**. Keputusan pengadil adalah muktamad. Semua rekacipta yang dihantar akan menjadi hak milik Universiti Kebangsaan Malaysia.

HARAP MAKLUM!